



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel. : 03 6203 7777
Fax : 03 6203 7788
Portal : jpwpl.moe.gov.my

Ruj. Kami: JPNWP. 400-2/3/38 Jld.9 (8)

Tarikh : 20 Jun 2018

PENGURUS SYARIKAT

Tuan,

SURAT TAWARAN MENYERTAI SEBUT HARGA DI JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dengan sukacitanya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa syarikat tuan adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan di Sekolah-sekolah / Kuarters Institusi Pendidikan / Institusi Pendidikan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan (**Sila rujuk Kenyataan Sebut Harga**).

3. Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak tuan berminat untuk menyertai sebut harga ini, pihak tuan diminta membawa bersama **sijil asal** Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan & Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Kontraktor Kerja (PKK) dan Sijil-sijil yang berkenaan semasa menghadiri taklimat lawatan tapak. Kehadiran adalah **diwajibkan** dan hanya syarikat/kontraktor yang layak serta menghadiri taklimat lawatan tapak sahaja yang dibenarkan untuk mengambil dokumen sebut harga.

4. Kontraktor boleh mendapatkan dokumen sebut harga pada 3 Julai 2018 (Selasa) pada waktu pejabat pada jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang di Aras 1 Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (**Sila bawa Borang Pengesahan Lawatan Tapak**). Tarikh tutup sebut harga adalah pada 9 Julai 2018 (Isnin) jam 12.00 tengah hari. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, dilakri dan dihantar atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Aras 1, Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas nama:-

**Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur
(u.p: Unit Pembangunan)**

“GEMILANG DALAM KALANGAN YANG CEMERLANG”



CERTIFIED TO ISO 9001: 2008
CERT.NO: AR4166

CERTIFIED TO ISO 9001: 2008
CERT.NO: AR4166

5. Bagi mengelakkan kesesakan semasa pendaftaran, tuan hendaklah hadir awal ke lokasi yang ditetapkan. Sebarang pendaftaran lewat tidak akan dilayan. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(HJ. ISMAIL BIN MUSA)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar & Pudu
b.p: Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur.

s.k.:

i. Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan